

DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH LARUT MATANG 2035 (PENGUBAHAN 3)

**JILID 1 : STRATEGI PEMBANGUNAN (A D D E N D U M)
JILID 2 : KAWALAN PERANCANGAN (A D D E N D U M)**

DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH LARUT MATANG 2035 (PENGUBAHAN 3)

JILID 1 : STRATEGI PEMBANGUNAN

ADDENDUM



DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH LARUT MATANG 2035 (PENGUBAHAN 3)

JILID 1: STRATEGI PEMBANGUNAN (ADDENDUM)

**Disediakan Mengikut Peruntukan Subseksyen 16
Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**

Disediakan Oleh:

**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA PERAK DARUL RIDZUAN
(PLANMalaysia Perak)**



A ASAS PERANCANGAN

01	PENGENALAN	A-1
02	KEPERLUAN PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH LARUT MATANG 2035 (PENGUBAHAN 3)	A-2
03	PERINGKAT PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN PENGUBAHAN	A-3
04	PENYEDIAAN DOKUMEN RANCANGAN TEMPATAN PENGUBAHAN	A-4

B STRATEGI PEMBANGUNAN

01	RINGKASAN CADANGAN PEMBANGUNAN RT DAERAH LARUT MATANG 2035 (PENGUBAHAN 3)	B-1
----	---	-----

D CADANGAN PROJEK DAN INISIATIF PEMBANGUNAN

D1

PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR DAN PEMELIHARAAN HUTAN

PERANCANGAN SPATIAL DAN GUNA TANAH BAGI PELAKSANAAN DASAR MINERAL NEGERI PERAK

D1.11	MEMAJUKAN SEKTOR MINERAL SECARA LESTARI	D1-3
D1.11a	PENGEMBANGAN SEKTOR MINERAL SECARA OPTIMA	D1-3
D1.11b	CADANGAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR BAGI AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN KUARI	D1-4
D1.11c	CADANGAN ZON PENAMPAN	D1-5
D1.11d	PENGUATKUASAAN AKTIVITI DALAM TENEMEN MINERAL	D1-6
D1.11e	PEMBANGUNAN TAPAK BEKAS LOMBONG DAN KUARI SECARA MAMPAN	D1-8
D1.11f	AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN SECARA MAMPAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI TERKINI	D1-9

PINDAAN BERDASARKAN PELAN INDUK RANGKAIAN EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (PIRECFS 2022)

D1.12	CADANGAN PENGURUSAN KAWASAN RANGKAIAN EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (PIRECFS 2022)	D1-5
--------------	---	------

D2

PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

CADANGAN PENGEZONAN KAWASAN LUAR JELAPANG PADI

D2.9	CADANGAN PENGEZONAN KAWASAN LUAR JELAPANG PADI	D2-3
-------------	--	------

D1

PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR DAN PEMELIHARAAN HUTAN

Rajah D1.1	Carta Alir dan Prosedur Perlombongan dan Pengkuarian	D1-6
Rajah D1.2	Carta Alir Proses Permohonan Lesen Mencarigali/Lesen Menjelajah /Pajakan Melombong/Lesen Melombong Tuan Punya (LMT)	D1-6
Rajah D1.3	Contoh Carta Alir dan Prosedur bagi Permohonan Kebenaran Merancang (KM)	D1-7
Rajah D1.4	Pelan Lokasi Rangkaian Ekologi CFS Bagi Daerah Larut Matang	D1-3
Rajah D1.5	Pelan Rangkaian Ekologi CFS Bagi Daerah Larut Matang	D1-5

D2

PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

Rajah D2.1	Pelan Skim Pengairan Daerah Larut Matang	D2-3
Rajah D2.2	Pelan Guna Tanah Daerah Larut Matang	D2-4

BAHAGIAN A ASAS PERANCANGAN



01 PENGENALAN

Rancangan Tempatan (RT) Daerah Larut Matang 2035 telah diwartakan dan diterimakan melalui dokumen Warta Kerajaan Negeri Perak **No Warta: 545** bertarikh **15 Februari 2018**. RT ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada Majlis Perbandaran Taiping, jabatan dan agensi di peringkat negeri serta daerah untuk memandu hala tuju pembangunan Daerah Larut Matang. RT ini mengandungi perancangan pembangunan spatial dan fizikal dengan menterjemahkan dasar dan strategi pembangunan berdasarkan dasar-dasar di peringkat persekutuan dan negeri.





02 KEPERLUAN PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH LARUT MATANG 2035 (PENGUBAHAN 3)

RT Daerah Larut Matang 2035 (Pengubahan 3) disediakan adalah untuk memenuhi keperluan perkara-perkara berikut:

- i. Perancangan spatial dan guna tanah bagi pelaksanaan Dasar Mineral Negeri Perak;
- ii. Pengezonan dan penyeragaman kawalan pembangunan ke atas kawasan luar jelapang padi; dan
- iii. Pindaan berdasarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS 2022).

Asas Pengubahan Rancangan Tempatan

Pengubahan RT ini dilakukan adalah berasaskan perubahan dasar dan strategi pembangunan terkini oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam konteks perancangan spatial berkaitan pengurusan sumber mineral bagi pelaksanaan aktiviti perlombongan/pengkuarian, pengukuhan industri padi dan beras melalui pengezonan kawasan padi serta pewujudan rangkaian fizikal hutan yang bersambungan bagi rayauan hidupan liar dengan merujuk kepada Rancangan Fizikal Negara 4, Rancangan Struktur Negeri Perak 2040, Dasar Mineral Negeri Perak dan Dasar Agromakanan Negara 2.0.

Perkara ini perlu diberi perhatian bagi memastikan perancangan pembangunan spatial dan fizikal yang meliputi ketiga-tiga aspek tersebut adalah ke arah pembangunan mampan yang dipacu melalui kawalan zon guna tanah dan kelas kegunaan tanah di dalam RT bagi memudahcara proses kelulusan pembangunan.

Aspek Perundangan


RT Daerah Larut Matang 2035 (Pengubahan 3) disediakan mengikut peruntukan subseksyen 16, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).



03 PERINGKAT PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN PENGUBAHAN

Penyediaan RT Daerah Larut Matang 2035 (Pengubahan 3) melibatkan empat (4) peringkat iaitu kelulusan cadangan pengubahan RT, publisiti dan bantahan awam, kelulusan JPN ke atas syor JSTP dan Draf RT Pengubahan dan pewartaan RT Pengubahan.

Rajah A.1 : Peringkat Penyediaan RT Daerah Larut Matang 2035 (Pengubahan 3)





04 PENYEDIAAN DOKUMEN RANCANGAN TEMPATAN PENGUBAHAN

Dokumen RT Daerah Larut Matang 2035 (Pengubahan 3) disediakan dalam bentuk Addendum yang terdiri daripada Jilid 1 dan Jilid 2 adalah sebagai rujukan kepada PBT, jabatan dan agensi yang terlibat mengenai strategi dan kawalan pembangunan terhadap perkara yang dicadangkan.

Kedua-dua laporan hendaklah digunapakai bersama-sama bagi memastikan halatuju pembangunan adalah berteraskan kepada prinsip kemampanan. Kandungan jilid adalah seperti berikut:

▪ **Jilid 1: Strategi Pembangunan (Addendum)**

- i. Strategi bagi pembangunan sumber mineral dimasukkan di bawah D1 Pemuliharaan Alam Sekitar dan Pemeliharaan Hutan.
- ii. Strategi bagi cadangan pengezonan kawasan luar jelapang padi dimasukkan di bawah D2 Pertanian, Penternakan dan Perikanan.
- iii. Strategi bagi pindaan berdasarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS 2022) dimasukkan di bawah D1 Pemuliharaan Alam Sekitar dan Pemeliharaan Hutan.

▪ **Jilid 2: Kawalan Perancangan (Addendum)**

- i. Jadual Klasifikasi Guna Tanah dibuat pindaan ke atas item C. Industri dan I. Pertanian.
- ii. Memasukkan Jadual senarai perundangan/dasar/garis panduan bagi aktiviti sokongan berkaitan aktiviti perlombongan/pengkuarian.
- iii. Memasukkan sistem pengkelasan kawasan perlombongan/pengkuarian.
- iv. Pindaan ke atas Peta Cadangan Guna Tanah Blok Perancangan Kecil yang melibatkan cadangan pengezonan kawasan luar jelapang dan pindaan berdasarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS2022).
- v. Pindaan ke atas jadual Kelas Guna Tanah bagi pembangunan sumber mineral, cadangan pengezonan kawasan luar jelapang dan pindaan berdasarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS2022).

Perincian Pengubahan Rancangan Tempatan

Perincian perkara-perkara pengubahan di dalam Jilid 1 : Strategi Pembangunan (Addendum) adalah seperti berikut :

Bil.	Perkara	Perincian Pengubahan
1.	Mineral	Memasukkan strategi Memajukan Sektor Mineral Secara Lestari di bawah D1 Pemuliharaan Alam Sekitar dan Pemeliharaan Hutan
2.	Kawasan Luar Jelapang Padi	Memasukkan strategi Cadangan Pengezonan Kawasan Luar Jelapang Padi di bawah D2 Pertanian, Penternakan dan Perikanan
3.	Central Forest Spine (CFS)	Memasukkan strategi Cadangan Pengurusan Rangkaian Ekologi <i>Central Forest Spine</i> (PIRECFS2022) di bawah D1 Pemuliharaan Alam Sekitar dan Pemeliharaan Hutan

Pemakaian Jilid 1: Strategi Pembangunan (Addendum)

Laporan Jilid 1: Strategi Pembangunan (Addendum) hanya memperincikan strategi berkaitan aspek pengurusan sumber mineral, pengezonan kawasan luar jelapang padi dan rangkaian ekologi CFS berdasarkan Pelan Induk CFS 2022 (PIRECFS2022).

Laporan ini hendaklah digunapakai bersama laporan asal Jilid 1: Strategi Pembangunan RT Daerah Larut Matang 2035 bagi rujukan kepada matlamat, halatuju dan konsep pembangunan Daerah Hulu Perak sepertimana yang dinyatakan dalam RT yang diwartakan.

BAHAGIAN B

STRATEGI PEMBANGUNAN




1 RINGKASAN CADANGAN PEMBANGUNAN RT DAERAH LARUT MATANG 2035 (PENGUBAHAN 3)

D1 PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR & PEMELIHARAN HUTAN

		BP	PROJEK QW	PROJEK UTAMA
D1.1	CADANGAN PERLINDUNGAN DAN PENGEKALAN SEPENUHNYA KAWASAN KSAS TAHAP 1	BP1, BP4, BP7, BP9	✓	
D1.2	CADANGAN PEMBANGUNAN TERHAD KAWASAN KSAS TAHAP 2	BP1, BP7, BP8, BP10		✓
D1.3	CADANGAN PEMBANGUNAN TERKAWAL KAWASAN KSAS TAHAP 3	BP1, BP2, BP9, BP10	✓	
D1.4	CADANGAN ZON RIZAB PERLINDUNGAN KELIP-KELIP KG. DEW	BP7	✓	
D1.5	CADANGAN PEMBANGUNAN TERKAWAL JEJAK ARKEOLOGI BATU KURAU (KSAS TAHAP 3)	BP1		✓
D1.6	CADANGAN ZON PENAMPAN DARI PERUSAHAAN KUARI	BP2, BP9, BP7, BP10		✓
D1.7	CADANGAN KAWALAN DAN PEMANTAUAN EFLUEN PERINDUSTRIAN SEBELUM MEMASUKI KE SG. MALAI DAN SG. LARUT	BP2, BP4		✓
D1.8	CADANGAN PENYEDIAAN ZON PENAMPAN PERLADANGAN AYAM	BP9	✓	
D1.9	CADANGAN KAWALAN DAN PEMANTAUAN KILANG ARANG KUALA SEPETANG, KUALA TRONG DAN SUNGAI KERANG	BP7, BP8, BP10		✓
D1.10	CADANGAN PROGRAM PENCEGAHAN PENCEMARAN, PENINGKATAN KUALITI AIR DAN PEMANTAUAN DI SG. MALAI DAN SG. SEPETANG	BP7, BP5	✓	
D1.11	MEMAJUKAN SEKTOR MINERAL SECARA LESTARI	BP1, BP5, BP6, BP7, BP8, BP9, BP10		
D1.12	CADANGAN PENGURUSAN RANGKAIAN EKOLOGI CENTRAL FOREST SPINE (PIRECF2022)	BP8, BP9		

D2 PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

		BP	PROJEK QW	PROJEK UTAMA
D2.1	CADANGAN PENGKLUSTERAN ZON AGRO	BP1, BP6, BP8, BP10	✓	
D2.2	CADANGAN ZON PENTERNAKAN	BP1, BP8		
D2.3	CADANGAN ZON PERIKANAN	BP7, BP8, BP10		
D2.4	CADANGAN PUSAT PENGUMPULAN DAN PEMASARAN HASIL	BP1, BP7, BP8, BP10	✓	
D2.5	CADANGAN PENINGKATAN PENGELUARAN HASIL PERTANIAN	-	✓	
D2.6	INTEGRASI AKUAKULTUR DAN PERTANIAN INTENSIF	BP1, BP4, BP6, BP7, BP10		
D2.7	PROJEK INTEGRASI TERNAKAN RUMINAN DENGAN TANAMAN KEKAL (PINTAR)	-		
D2.8	PUSAT HERBA ETHNO VALLEY, BUKIT GANTANG	BP9	✓	
D2.9	CADANGAN PENGEZONAN KAWASAN LUAR JELAPANG PADI	BP1		



PERTUMBUHAN
EKONOMI HIJAU
BERDAYA TAHAN

BAHAGIAN D

CADANGAN PROJEK DAN INISIATIF PEMBANGUNAN



TERAS 1

ALAM SEKITAR
MAMPAN

D1

PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR & PEMELIHARAAN HUTAN





2.0 PERANCANGAN SPATIAL DAN GUNA TANAH BAGI PELAKSANAAN DASAR MINERAL NEGERI PERAK



CADANGAN PROJEK-PROJEK UTAMA

● PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR DAN PEMELIHARAAN HUTAN

KOD PROJEK	CADANGAN PEMBANGUNAN	LOKASI
D 1.1	CADANGAN PERLINDUNGAN DAN PENGEKALAN SEPENUHNYA KAWASAN KSAS TAHAP 1	BP1, BP4, BP7, BP9
D 1.2	CADANGAN PEMBANGUNAN TERHAD KAWASAN KSAS TAHAP 2	BP1, BP7, BP8, BP10
D 1.3	CADANGAN PEMBANGUNAN TERKAWAL KAWASAN KSAS TAHAP 3	BP1, BP2, BP9, BP10
D 1.4	CADANGAN ZON RIZAB PERLINDUNGAN KELIP-KELIP KG. DEW	BP7
D 1.5	CADANGAN PEMBANGUNAN TERKAWAL JEJAK ARKEOLOGI BATU KURAU (KSAS TAHAP 3)	BP1
D 1.6	CADANGAN ZON PENAMPAN DARI PERUSAHAAN KUARI	BP2, BP9, BP7, BP10
D 1.7	CADANGAN KAWALAN DAN PEMANTAUAN EFLUEN PERINDUSTRIAN SEBELUM MEMASUKI KE SG. MALAI DAN SG. LARUT	BP2, BP4
D 1.8	CADANGAN PENYEDIAAN ZON PENAMPAN PERLADANGAN AYAM	BP9
D 1.9	CADANGAN KAWALAN DAN PEMANTAUAN KILANG ARANG KUALA SEPETANG, KUALA TRONG DAN SUNGAI KERANG	BP7, BP8, BP10
D 1.10	CADANGAN PROGRAM PENCEGAHAN PENCEMARAN, PENINGKATAN KUALITI AIR DAN PEMANTAUAN DI SG. MALAI DAN SG. SEPETANG	BP7, BP5
D 1.11	MEMAJUKAN SEKTOR MINERAL SECARA LESTARI	BP1, BP5, BP6, BP7, BP8, BP9, BP10





Pengenalan

Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 yang diwartakan pada 31 Disember 2020 di bawah Teras 2 Dasar Strategik Negeri Perak 2040 iaitu **Dasar Perancangan 12 (RSA 12): Memajukan Sektor Mineral Secara Lestari Sebagai Salah Satu Asas Ekonomi Utama Negeri Perak** telah menyatakan bahawa Negeri Perak merupakan Negeri yang kaya dengan sumber mineral dan perlu diterokai untuk kepentingan peningkatan hasil ekonomi dan seterusnya meningkatkan sumber pendapatan Negeri Perak.

RSA 12 telah menggariskan strategi pelaksanaan bagi pembangunan sektor mineral Negeri Perak yang akan dipandu oleh Dasar Mineral Negeri Perak dan Perak Mineral *Blueprint*. Sektor mineral akan dibangunkan dengan visi berikut:-

- i. Mengembalikan semula status Negeri Perak sebagai Negeri Pengeluar Mineral Utama Negara.
- ii. Meningkatkan sumbangan yang signifikan sektor mineral kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan negeri termasuk KDNK sektor pembuatan, pembinaan dan sosio ekonomi.
- iii. Memperkukuhkan semula status Negeri Perak sebagai pengeluar utama hasil timah dan menghasilkan nilai optimum daripada potensi sumber mineral secara signifikan untuk kebaikan semua pihak yang terlibat dalam rantai nilai industri mineral.

Kerangka Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) yang disediakan oleh Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 4 Disember 2020 telah menekankan perancangan bagi pembangunan sumber mineral secara holistik, di mana hasrat utama Kerajaan adalah ingin membangunkan industri mineral secara menyeluruh dan bersepadu melalui transformasi di setiap peringkat rantai nilai merangkumi sektor hulu, pertengahan dan hiliran berteraskan kepada prinsip kemampanan. Kerajaan telah mensasarkan bagi membangunkan industri berasaskan mineral strategik seperti unsur nadir bumi bukan *radioaktif* (*Non-Radioactive Rare Earth Elements – NR REE*), bauksit, bijih timah, pasir silika dan kaolin secara lestari. Di Negeri Perak, terdapat empat (4) mineral strategik iaitu NR REE, bijih timah, pasir silika dan kaolin yang memerlukan kajian pemetaan yang lebih terperinci untuk mengenalpasti status guna tanah sedia ada seperti hutan simpan kekal, kawasan pertanian serta kawasan aktiviti ekonomi sedia ada termasuk kawasan berpendudukan di mana deposit tersebut dikenalpasti.

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.1/2021 pada 16 Februari 2021 telah bersetuju Dasar Mineral Negeri Perak dilaksanakan melalui perancangan dan kawalan aktiviti perlombongan/ pengkuarian secara mampan. Dasar Mineral Negeri Perak diterjemah melalui Rancangan Tempatan bagi tujuan memproses Kebenaran Merancang (KM) oleh Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT).

Tindakan yang telah diambil mengikut keputusan Mesyuarat JPN Bil.1/2021 pada 16 Februari 2021 adalah seperti berikut:

- i. Kawasan yang telah diberi Pajakan Melombong dan Lesen Melombong Tuan Punya (LMT), aktiviti melombong hendaklah dibenarkan beroperasi sehingga tamat tempoh, melainkan ditentukan sebaliknya oleh Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri (JSMN).
- ii. Kelas Kegunaan Tanah (KGT) di dalam rancangan tempatan mengambilkira Pajakan Melombong dan LMT yang telah diluluskan oleh JSMN dan Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong (SKSPM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) bagi tujuan pembangunan mineral dan perlombongan.
- iii. Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment – SIA*) bagi Perlombongan disediakan bagi aktiviti perlombongan berskala besar mengikut definisi Enakmen Mineral (Perak) 2003. Bagi yang selainnya, implikasi sosial dinilai melalui Laporan Cadangan Pemajuan 3 (LCP 3 - Kebenaran Merancang Kerja Perlombongan) yang perlu dikemukakan bersama permohonan KM.

Keputusan Mesyuarat JPN Bil.1/2014 pada 5 Mei 2014 diselaraskan semula dan telah ditetapkan seperti berikut:

- a. Permohonan perlombongan perlu selaras dengan RT.
- b. Perlu memohon KM apabila hendak menjalankan kerja-kerja perlombongan (Pajakan Melombong, LMT dan Permit Khas Mineral/ Lesen Pemindahan Bahan Mineral).
- c. Perlu melalui seksyen 16 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) iaitu perubahan RT dan proses publisiti perlu dijalankan secara serentak bagi memastikan prosedur pembangunan perlombongan berjalan lancar.
- d. Perlu mengambilkira syarat teknikal dan bukan teknikal.

KOD PROJEK

D1.11

MEMAJUKAN SEKTOR MINERAL SECARA LESTARI

Secara amnya, Negeri Perak kaya dengan pelbagai jenis sumber mineral dan ianya perlu diurus secara efektif bagi meningkatkan hasil Negeri dan pengurusan sektor perindustrian secara lestari. Dasar Mineral Negeri Perak telah diwujudkan untuk memperingkatkan sumbangan sektor mineral terhadap pembangunan sosio-ekonomi Negeri melalui pembangunan sumber mineral yang efisien, bertanggungjawab dan lestari di samping penggunaan sumber-sumber mineral secara optima.

D1.11a PENGEMBANGAN SEKTOR MINERAL SECARA OPTIMA

JUSTIFIKASI

- i. Menjana ekonomi Daerah Larut Matang seterusnya menjana ekonomi Negeri Perak;
- ii. Meningkatkan peluang pekerjaan penduduk di dalam Daerah Larut Matang;
- iii. Menjaga serta memulihara alam semulajadi yang terdapat disekitar kawasan perlombongan;
- iv. Zon guna tanah yang sedia ada tidak mengambil kira peta taburan mineral dan kawasan potensi mineral yang disediakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG);
- v. Perlombongan/pengkuarian sebagai guna tanah utama adalah sukar dilaksanakan kerana wujudnya implikasi kos pengambilalihan tanah-tanah milik individu dan syarikat-syarikat berkaitan di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada; dan
- vi. Walaupun Kerajaan Negeri memberi hak penjelajahan di banyak kawasan, namun terdapat isu-isu berkaitan status hutan simpan, kawasan tadahan, KSAS dan kawasan Orang Asli yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum aktiviti perlombongan/pengkuarian boleh dijalankan.

PERINCIAN CADANGAN

- i. Mengguna pakai Dasar Mineral Negeri Perak dalam membangunkan sektor mineral Negeri Perak;
- ii. Mengiktiraf kepentingan perlombongan/pengkuarian dengan pengezonan kawasan potensi mineral sebagai Zon Perlombongan/Pengkuarian dalam Rancangan Tempatan sekiranya sesuatu kawasan itu mempunyai potensi mineral yang tinggi;
- iii. Membangunkan dan memajukan penerokaan ke atas kawasan-kawasan berpotensi mineral utama dan menjadikan perusahaan sumber mineral sebagai satu industri baharu di Daerah Kuala Kangsar secara terancang dan mampan;
- iv. Kerajaan Negeri hendaklah menggiatkan penyiasatan dan pemetaan sumber mineral;
- v. Kerajaan Negeri disarankan menyenaraikan kawasan-kawasan yang berkepentingan diwartakan sebagai kawasan ditutup kepada tenemen mineral mengikut Seksyen 15, Enakmen Mineral (Perak) 2003 dan tidak dibenarkan untuk sebarang tenemen mineral; dan
- vi. Penilaian dan sumber ke atas senarai kawasan yang akan diwartakan tutup untuk perlombongan dan kuari hendaklah melalui Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

Jenis Sumber Mineral

Mineral Berlogam	Timah, Tungsten, Aluminium/Bauksit, Tembaga, Emas, Bijih Besi, Nikel, Mangan, Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE)
Mineral Bukan Logam	Pasir Laut, Pasir Sungai, Pasir Silika, Kuarza, Kaolin, Lempung Bebola/Marin/Api, Batu Kapur, Dolomit, Feldspar, Mika, Batu Dimensi
Mineral Tenaga	Arang Batu

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP 1, BP 5, BP 6, BP 7,
BP 8, BP 9, BP 10

Blok Perancangan Kecil

-

No. Lot

-

Keluasan

-

AGENSI PELAKSANA

AGENSI UTAMA	AGENSI DAN PIHAK LAIN
Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak	Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang & Selama Majlis Perbandaran Taiping

FASA PEMBANGUNAN





D1.11b CADANGAN PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR BAGI AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN KUARI

JUSTIFIKASI

- i. Persepsi terhadap pengurusan sisa lombong seperti perlepasan air pembuangan perindustrian (efluen) daripada aktiviti perlombongan/pengkuarian menyebabkan pencemaran alam sekitar seperti sumber air.

PERINCIAN CADANGAN

- i. Menjalankan kajian saintifik sebelum melakukan kerja-kerja perlombongan dan kuari

Kajian saintifik seperti geologi dan biologi hendaklah dilakukan di tapak yang berpotensi sebagai sumber mineral. Dengan adanya kajian ini, pihak berkuasa berkenaan dapat membuat perancangan pembangunan untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang di tapak.

- ii. Memastikan kestabilan dan keselamatan tapak dari semasa ke semasa

Tapak perlombongan/pengkuarian yang akan tamat beroperasi atau yang akan ditutup hendaklah ditinggalkan dengan keadaan yang selamat dan stabil. Ini termasuklah kestabilan cerun, isu bencana geologi, jalan dan longgokan bahan buangan di tapak. Penilaian keadaan asas tapak selepas penghentian aktiviti perlombongan/pengkuarian dilakukan untuk mengenal pasti impak aktiviti terhadap kawasan tersebut. Antara contohnya ialah keadaan udara, air, flora dan fauna, landskap, bencana geologi dan budaya di kawasan tapak dan sekeliling.

- iii. Mengemukakan Pelan Pemantauan dan Pelan Rehabilitasi di tapak

Pelan pemantauan dan langkah pembetulan hendaklah dilakukan secara kerap dan berterusan oleh agensi yang berkaitan sebelum, semasa, dan selepas penghentian aktiviti perlombongan/pengkuarian. Setiap pengusaha hendaklah mengemukakan pelan rehabilitasi sebelum aktiviti perlombongan dan pengkuarian beroperasi supaya pelan pembangunan jangka masa panjang setelah tamat operasi dapat dilaksanakan dengan baik.

Kawasan Hutan Yang Tidak Dibenarkan Aktiviti Perlombongan

- Hutan Simpan Bukit Larut
- Hutan Simpan Bintang Hijau
- Hutan Simpan Bubu

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP 1, BP 5, BP 6, BP 7,
BP 8, BP 9, BP 10

Blok Perancangan Kecil

-

No. Lot

-


Keluasan

-

AGENSI PELAKSANA

AGENSI UTAMA	AGENSI DAN PIHAK LAIN
Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak	Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang & Selama Majlis Perbandaran Taiping

FASA PEMBANGUNAN



D1.11c CADANGAN ZON PENAMPAN

JUSTIFIKASI

- i. Persepsi terhadap pengurusan sisa lombong seperti perlepasan air pembuangan perindustrian (efluen) daripada aktiviti perlombongan menyebabkan pencemaran alam sekitar seperti sumber air. Setiap tapak perusahaan perlombongan/pengkuarian dan kuari perlu mempunyai zon penamparan keselamatan iaitu jarak pemisah yang bersesuaian bagi menjamin keselesaan, mengelakkan rungutan awam dan keselamatan. Bagi kuari-kuari yang sedang beroperasi secara sah dan tidak dapat diwujudkan zon penamparan 600 meter perlulah mencadangkan reka bentuk operasi yang selamat termasuk peletupan dan kestabilan muka kuari melalui Jurutera Profesional Berdaftar dan Ahli Geologi Profesional Berdaftar serta diluluskan oleh Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak.

PERINCIAN CADANGAN

- i. Semua pengusaha hendaklah mempunyai cadangan dan penguatkuasaan zon penamparan 600 meter di sekeliling kawasan tapak seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak. Bagi kawasan perumahan yang termasuk di dalam zon penamparan, pengusaha hendaklah mengawal operasi bagi mengelakkan pencemaran udara, bunyi, gegaran bumi dan ancaman geo bencana akibat daripada operasi perlombongan/pengkuarian. Langkah-langkah keselamatan hendaklah dipertingkatkan di sekeliling kawasan perumahan yang berada di dalam zon penamparan.
- ii. Pengusaha yang sedang beroperasi secara sah tetapi tidak dapat mewujudkan zon penamparan 600 meter di sekeliling tapak hendaklah mencadangkan reka bentuk peletupan dan kestabilan muka kuari melalui Jurutera Profesional Berdaftar dan Ahli Geologi Profesional Berdaftar serta mendapat kelulusan dari Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP 1, BP 5, BP 6, BP 7,
BP 8, BP 9, BP 10

Blok Perancangan Kecil

-

No. Lot

-


Keluasan

-

AGENSI PELAKSANA

AGENSI UTAMA	AGENSI DAN PIHAK LAIN
Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak	Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang & Selama Majlis Perbandaran Taiping

FASA PEMBANGUNAN



D1.11d PENGUATKUASAAN AKTIVITI DALAM TENEMEN MINERAL


JUSTIFIKASI

i. Perancangan dan penguatkuasaan yang menyeluruh perlu dilaksanakan demi menjaga landskap, nilai geologi, biologi, nilai budaya dan pelancongan di Daerah Larut, Matang & Selama buat jangka masa panjang, seiring dengan pengusahaan sumber batu kapur yang sedia ada. Menurut Akta Pembangunan Mineral 1994, Tenemen Mineral bermaksud lesen melombong, pajakan melombong, atau mana-mana daripadanya bagi maksud penjelajahan atau perlombongan mineral atau bijih mineral.


PERINCIAN CADANGAN

Pengusaha aktiviti perlombongan/pengkuarian yang ingin memohon pajakan melombong hendaklah mematuhi segala prosedur dan peraturan seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains. Antaranya seperti Surat Kelulusan Skim Pengendalian Melombong, Kajian Kebolehlaksanaan dan Kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA). Rajah D1.1 menunjukkan contoh Carta Alir dan Prosedur Perlombongan dan Pengkuarian dan rajah D1.2 menunjukkan Carta Alir Proses Permohonan Lesen Mencarigali/Lesen Menjelajah /Pajakan Melombong/Lesen Melombong Tuan Punya (LMT).

Rajah D1.1 : Carta Alir dan Prosedur Perlombongan dan Pengkuarian



Rajah D1.2 : Carta Alir Proses Permohonan Lesen Mencarigali/Lesen Menjelajah /Pajakan Melombong/Lesen Melombong Tuan Punya (LMT)



- Ahli-Ahli: JSMN
- Pengerusi Yang Dilantik Oleh PBN
 - Pengarah Tanah dan Galian Negeri
 - Penasihat Undang-Undang Negeri
 - Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri
 - Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri
 - Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri
 - Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri
 - 3 Ahli Lain Yang Dilantik Oleh PBN

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan BP 1, BP 5, BP 6, BP 7, BP 8, BP 9, BP 10

Blok Perancangan Kecil

-

No. Lot

-

Keluasan

-

AGENSI PELAKSANA

AGENSI UTAMA

Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak

AGENSI DAN PIHAK LAIN

Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang & Selama
Majlis Perbandaran Taiping

FASA PEMBANGUNAN





D1.11d PENGUATKUASAAN AKTIVITI DALAM TENEMEN MINERAL (sambungan)


JUSTIFIKASI

i. Perancangan dan penguatkuasaan yang menyeluruh perlu dilaksanakan demi menjaga landskap, nilai geologi, biologi, nilai budaya dan pelancongan di Daerah Larut, Matang & Selama buat jangka masa panjang, seiring dengan pengusahaan sumber batu kapur yang sedia ada. Menurut Akta Pembangunan Mineral 1994, Tenemen Mineral bermaksud lesen melombong, pajakan melombong, atau mana-mana daripadanya bagi maksud penjelajahan atau perlombongan mineral atau bijih mineral.

PERINCIAN CADANGAN

Segala kerja-kerja perlombongan/pengkuarian di kawasan kajian hendaklah mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui penyediaan permohonan Kebenaran Merancang (KM) bagi menjalankan operasi, penutupan dan pemulihan tapak kuari. Bagi tapak perusahaan kuari yang terdapat perumahan di dalam zon penamparan 600 meter dan kuari yang akan tamat tempoh dalam masa 5 tahun, pengusaha kuari hendaklah mengemukakan Laporan Kerja Peletupan yang diluluskan oleh Jurutera Profesional Berdaftar dan Laporan Geologi, Kestabilan Cerun serta Geobencana di tapak kuari yang diluluskan oleh Ahli Geologi Profesional Berdaftar. Dengan adanya Kebenaran Merancang (KM) kawalan perancangan yang lebih khusus akan dapat diambil kira oleh PBT dan memastikan pematuhan terhadap zon guna tanah yang telah ditetapkan selaras dengan Rancangan Tempatan.


Rajah D1.3 : Contoh Carta Alir dan Prosedur Bagi Permohonan Kebenaran Merancang (KM)



- Nota:**
- i. PLANMalaysia@Perak
 - ii. PTG
 - iii. PDT
 - iv. JKR
 - v. JPS
 - vi. JAS
 - vii. JMG
 - viii. TNB
 - ix. IWK
 - x. LAP
- Jabatan Teknikal Dalam PBT**
- i. Jab. Perancang
 - ii. Jab. Kejuruteraan
 - iii. Jab. Bangunan
 - iv. Jab. Kesihatan
 - v. Jab. Penilaian

LOKASI & KELUASAN
Blok Perancangan BP 1, BP 5, BP 6, BP 7, BP 8, BP 9, BP 10
Blok Perancangan Kecil
-
No. Lot
-
Keluasan
-

AGENSI PELAKSANA	
AGENSI UTAMA	AGENSI DAN PIHAK LAIN
Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak	Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang & Selama Majlis Perbandaran Taiping





D1.11e PEMBANGUNAN TAPAK BEKAS LOMBONG DAN KUARI SECARA MAMPAN

JUSTIFIKASI

- i. Tekanan pembangunan yang pesat di kawasan kajian menyebabkan kebanyakan kawasan bekas lombong ini ditebus guna untuk projek perumahan dan lain-lain. Kawasan bekas lombong pada keseluruhannya terdiri daripada lapisan tanah yang lembut dan berpasir.

PERINCIAN CADANGAN

- i. Lokasi terperinci tanah bekas lombong ini hendaklah dikenal pasti dan dipetakan untuk pelaksanaan kerja-kerja kajian yang lebih mendalam.
- ii. Kajian yang mendalam di tanah bekas lombong dari segi kestabilan cerun, kekuatan tanah dan risiko bencana geologi perlu dilakukan sebelum pembangunan di kawasan tanah bekas lombong diluluskan.
- iii. Pelan dan konsep perancangan di kawasan tanah bekas lombong hendaklah disediakan. Terdapat beberapa prinsip-prinsip perancangan di kawasan tanah bekas lombong dengan mengambil kira faktor Risiko Bencana Geologi, Pemeliharaan Kawasan Warisan Geologi dan Landskap serta boleh dijadikan sebagai sumber sokongan hidup seperti 'retention pond' dan aktiviti pertanian.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP 1, BP 5, BP 6, BP 7,
BP 8, BP 9, BP 10

Blok Perancangan Kecil

-

No. Lot

-


Keluasan

-

AGENSI PELAKSANA

AGENSI UTAMA	AGENSI DAN PIHAK LAIN
Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak	Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang & Selama Majlis Perbandaran Taiping

FASA PEMBANGUNAN




D1.11f AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN SECARA MAMPAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI TERKINI

JUSTIFIKASI

i. Aktiviti pengkuarian secara mampan bermaksud dari segi pematuhan peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains serta mengambil kira faktor geologi setempat dan ancaman bencana geologi dengan menggunakan kaedah pengkuarian dan teknologi yang terkini sedia ada. Aktiviti kuari juga hendaklah memberi manfaat kepada masyarakat untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

PERINCIAN CADANGAN

i. Perancangan dan pembangunan perusahaan kuari perlu diteraskan kepada prinsip-prinsip perancangan dan pembangunan sejagat yang antara lain menitikberatkan elemen-elemen seperti berikut :



LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP 1, BP 5, BP 6, BP 7,
BP 8, BP 9, BP 10

Blok Perancangan Kecil

-

No. Lot

-

Keluasan

-

AGENSI PELAKSANA


AGENSI UTAMA

Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak

AGENSI DAN PIHAK LAIN

Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang & Selama
Majlis Perbandaran Taiping

FASA PEMBANGUNAN





D1.11f AKTIVITI PERLOMBONGAN DAN PENGKUARIAN SECARA MAMPAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI TERKINI (sambungan)

JUSTIFIKASI

i. Menurut Laurence (2010), "mining is sustainable when it is conducted in a manner that balances economic, environmental and social considerations, often referred to as the 'triple bottom line', and that "sustainable mining practices are those that promote this balance". Berdasarkan definisi di atas perlombongan mampan ialah aktiviti perlombongan yang dijalankan dengan mengambil kira kestabilan ekonomi, impak alam sekitar dan keselamatan sosial setempat.

PERINCIAN CADANGAN

ii. Berikut merupakan elemen-elemen yang perlu ada di dalam pelaksanaan perlombongan mampan (Laurence, 2010).

1

Keselamatan (Safety)

Operasi kuari hendaklah menekankan dan mementingkan keselamatan. Antara ciri-ciri kuari yang selamat termasuklah komitmen kepada pengurusan risiko dan kemalangan, budaya kerja dan sikap yang selamat, memberi fokus kepada Pendidikan dan Latihan di dalam kawasan kuari termasuk dari aspek peralatan dan proses operasi.

2

Ekonomi (Economy)

Operasi kuari hendaklah dapat menjana keuntungan berterusan dengan mengekalkan kos yang rendah dalam masa yang sama memaksimumkan hasil. Pelaksanaan sustainable mining di dalam operasi kuari secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi ekonomi dari segi pengurangan kos buruh, pengurangan kos penjagaan kesihatan, pengurangan kos pengeluaran, pengurangan beban peraturan, pengurangan kos penutupan kuari, pengurangan kos insuran, dan penambahbaikan hubungan pelabur.

3

Kecekapan (Efficiency)

Kuari atau lombong hendaklah mempunyai kecekapan dan kepakaran dalam menguruskan dan mengekstrak sumber mineral. Penggunaan teknologi terkini yang tidak merosakkan alam sekitar adalah digalakkan.

4

Alam Sekitar (Environment)

Operasi kuari atau lombong hendaklah tidak merosakkan alam sekitar. Segala operasi hendaklah dijalankan secara berkhemah dan mengambil kira faktor sekeliling dan alam sekitar.

5

Komuniti Setempat (Community)

Operasi kuari atau lombong hendaklah menjaga keselamatan dan kesejahteraan komuniti setempat, segala bentuk operasi kuari seperti peletupan hendaklah mendapat kelulusan daripada agensi terlibat sebelum memulakan kerja.

LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP 1, BP 5, BP 6, BP 7,
BP 8, BP 9, BP 10

Blok Perancangan Kecil

-

No. Lot

-

Keluasan

-

AGENSI PELAKSANA

AGENSI UTAMA

Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Perak
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak

AGENSI DAN PIHAK LAIN

Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang & Selama
Majlis Perbandaran Taiping

FASA PEMBANGUNAN



TERAS 2

**PERTUMBUHAN
EKONOMI HIJAU
BERDAYA TAHAN**

D2

**PERTANIAN,
PENTERNAKAN &
PERIKANAN**





3.0 CADANGAN PENGEZONAN KAWASAN LUAR JELAPANG PADI



CADANGAN PROJEK-PROJEK UTAMA

● PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN

KOD PROJEK	CADANGAN PEMBANGUNAN	LOKASI
D 2.1	CADANGAN PENGLUSTERAN ZON AGRO	DAERAH LARUT MATANG
D 2.2	CADANGAN ZON PENTERNAKAN	PONDOK TANJUNG & TRONG
D 2.3	CADANGAN ZON PERIKANAN	BATU KURAU, KUALA SEPETANG, TRONG – SG. TINGGI, PULAU PASIR HITAM, KUALA TRONG & KUALA JARUM MAS
D 2.4	CADANGAN PUSAT PENGUMPULAN DAN PEMASARAN HASIL	BATU KURAU, KUALA SEPETANG, TRONG & SG. TINGGI
D 2.5	CADANGAN PENINGKATAN PENGELUARAN HASIL PERTANIAN	BATU KURAU, KUALA SEPETANG, TRONG & SG. TINGGI
D 2.6	INTEGRASI AKUAKULTUR DAN PERTANIAN INTENSIF	KG. ANAK KURAU, KG. HUJUNG MATANG, KG. AIR KUNING, KG. BT. LIMA, PADANG GAJAH, SG. KERANG, ETIKA RESORT
D 2.7	PROJEK INTEGRASI TERNAKAN RUMINAN DENGAN TANAMAN KEKAL (PINTAR)	DAERAH LARUT MATANG
D 2.8	PUSAT HERBA ETHNO VALLEY, BUKIT GANTANG	BUKIT GANTANG
D 2.9	CADANGAN PENGEZONAN KAWASAN LUAR JELAPANG PADI	KG. GUDANG, JELAI, KG. PERAK





Pengenalan

Daerah Larut Matang merupakan salah satu pengeluar hasil padi di Negeri Perak dengan kawasan seluas 660.94 hektar yang melibatkan kawasan luar jelapang padi di bawah seliaan Jabatan Pertanian Negeri Perak dan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak yang merupakan salah satu kawasan yang menyumbang kepada sumber bekalan makanan. Keluasan kawasan luar jelapang ini perlu dikekalkan dengan memastikan ia tidak terjejas disebabkan oleh pembangunan lain dan secara tidak langsung tindakan yang berterusan perlu diambil supaya hasil pengeluaran padi terus meningkat selaras dengan hasrat Negara supaya pencapaian produktiviti padi dapat dipertingkatkan lagi agar menyumbang ke arah sasaran sara diri beras Negara ditahap 70% dan objektif jaminan bekalan makanan Negara selaras Dasar Makanan Negara 2.0 sehingga tahun 2030 tercapai.

Rancangan Struktur Negeri Perak 2040 telah menyatakan sektor agro makanan merupakan antara sektor utama dan strategik bagi Negeri Perak. Oleh itu, Zon Tanaman Makanan Utama Kekal yang merupakan zon agromakanan strategik melibatkan kawasan luar dan jelapang padi hendaklah dikekalkan.

Dasar Agro Makanan Negara 2.0 (2021 – 2030)

Dasar Agro Makanan Negara 2.0 menyatakan padi dan beras merupakan subsektor penting bagi menghasilkan makanan ruij rakyat Malaysia yang mengalami peningkatan tahap sara diri (SSL) daripada 60.3% kepada 63.0% dari tahun 2010 hingga tahun 2019. Untuk menambah baik pencapaian subsektor ini, isu utama seperti pendapatan pesawah padi yang rendah, kos pengeluaran yang tinggi, kekurangan mekanisasi dan automasi, persekitaran perniagaan yang tidak kondusif dan kehilangan pasca tuai perlu dikurangkan. Strategi subsektor padi dan beras berhasrat untuk meningkatkan jumlah pengeluaran, menambah baik tahap sara diri, mempertingkatkan kecekapan penggunaan sumber asli dan menambah baik taraf kehidupan dan tahap pendapatan pesawah padi untuk 10 tahun yang akan datang.

Strategi Subsektor:

- Melonjakkan produktiviti melalui pengurusan penggunaan tanah dan air yang lebih baik dengan memberi penekanan kepada peningkatan kecekapan guna tanah dan air untuk produktiviti yang lebih tinggi
- Memanfaatkan potensi varieti beras istimewa tempatan dengan membangunkan segmen beras spesialti tempatan untuk memantapkan pilihan dalam kepelbagaian varieti oleh pesawah padi.
- Menstruktur semula bantuan kewangan sedia ada ke arah memperkasa pengeluar dalam membuat keputusan perniagaan dengan menghalusi bantuan input dan output semasa bagi pesawah padi untuk menggalakkan pengoptimuman operasi pertanian berdasarkan pengetahuan dan pengalaman mereka sendiri.
- Melibatkan penyertaan lebih ramai penggerak sektor swasta di sepanjang rangkaian nilai dengan menggalakkan penyertaan penggerak swasta pelbagai skala di sepanjang rangkaian nilai subsektor padi dan beras seiring dengan perkembangan semasa.
- Mempromosi, menggalakkan, melatih dan memupuk generasi muda untuk terlibat dalam subsektor padi dan beras dengan meningkatkan peluang sedia ada melalui pendedahan mengenai subsektor kepada golongan tersebut

KOD PROJEK
D2.9

CADANGAN PENGEZONAN KAWASAN LUAR JELAPANG PADI

MENINGKATKAN PRODUKTIVITI TANAMAN DAN TERNAKAN SECARA KOMERSIAL DAN MESRA ALAM

JUSTIFIKASI

- i. Memastikan industri penanaman padi dapat diteruskan dan menjamin pengeluaran padi dan beras Negara yang mampan;
- ii. Membina kemudahan infrastruktur yang moden dan baru bagi peningkatan bilangan pesawah dan keluasan kawasan tanaman padi;
- iii. Memudahkan pemindahan teknologi terkini melalui penggunaan dron dalam kawalan serangga perosak dan penyakit;
- iv. Meningkatkan pengeluaran hasil dan pendapatan petani dengan kecekapan sistem pengairan yang dinaiktaraf; dan
- v. Menarik minat pemilik tanah generasi muda melalui pemindahan teknologi terkini dalam sektor tanaman padi.




PERINCIAN CADANGAN

CADANGAN PENGEZONAN KAWASAN LUAR JELAPANG PADI

- i. Membangun dan menyediakan sistem saliran dan pengairan yang lengkap dan menyeluruh.
- ii. Mengamalkan 'Amalan Pertanian Baik' serta penggunaan teknologi yang terkini dan bersesuaian.
- iii. Meningkatkan produktiviti tanaman padi kepada 10 tan/hektar/musim.
- iv. Meningkatkan nisbah petani: kawasan padi kepada 1:6 untuk mencapai guna tenaga yang ekonomik dan seterusnya meningkatkan pendapatan petani.

BLOK PERANCANGAN (BP)	NAMA SKIM PENGAIRAN	LUAS SKIM (HEKTAR)	BILANGAN LOT/TAPAK YANG TERLIBAT
1.2 & 1.3	Jemerang Setar	203.72	171
1.3	Jelai	62.27	57
1.5	Batu Kurau	394.95	317

Rajah D2.1 : Pelan Skim Pengairan Daerah Larut Matang



LOKASI & KELUASAN

Blok Perancangan
BP 1

Blok Perancangan Kecil

No. Lot


Keluasan

AGENSI PELAKSANA

AGENSI UTAMA


Jabatan Pertanian Negeri Perak

AGENSI DAN PIHAK LAIN

Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang & Selama
Majlis Perbandaran Taiping



Rajah D2.2: Pelan Guna Tanah Daerah Larut Matang



TERAS 1

ALAM SEKITAR
MAMPAN

D1

PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR & PEMELIHARAAN HUTAN





**4.0 PINDAAN BERDASARKAN PELAN INDUK
RANGKAIAN EKOLOGI CENTRAL FOREST
SPINE (PIRECFS 2022)**

Pengenalan

Rancangan Tempatan (RT) Daerah Larut Matang 2035 telah menggariskan 6 teras pembangunan. Pembangunan Guna Tanah bersepadu dan alam sekitar mampan adalah merupakan salah satu teras di mana strategi pembangunan dan cadangan yang telah ditetapkan mengambilkira kepentingan hutan simpan sebagai hutan tadahan air, habitat pelbagai biodiversiti dan sumber eko pelancongan. Daerah Larut Matang adalah merupakan kawasan hijau di mana kira-kira 44.87% daripada keluasan daerah adalah kawasan berhutan.

Di antara strategi pembangunan lain yang boleh dicadangkan bagi aspek pengurusan hutan untuk memelihara kepentingan Hutan Simpan di Daerah Larut Matang adalah melalui pemakaian Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 dan kawalan pembangunan bagi kawasan CFS di dalam Daerah Larut Matang. Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 adalah kajian semula bagi pelan induk terdahulu yang telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMKe-10)

Tujuan Pengubahan

- Pindaan RT ini adalah mengambilkira perubahan nama dan kod Rangkaian Ekologi CFS bagi A-PL5 dan A-SL3 di dalam Daerah Larut Matang berdasarkan PIRECFS 2022.
- Rancangan Fizikal Negara ke-4 (RFN4) telah mengambilkira Rangkaian Ekologi CFS A-PL5 dan A-SL3 sebagai KSAS Tahap 2. Aktiviti yang dibenarkan di dalam kawasan CFS telah diselaraskan dan tertakluk kepada PIRESCFS 2022.

Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS2022)

Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil.1/2022 pada 22 Februari 2022 telah mengambil maklum Kajian Semula Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) 2022 diterimapakai di Negeri Perak dengan pindaan bagi cadangan jajaran A-PL2 (HS Padang Chong-HS Sungai Kuak-HS Lapang Nining) dan A-PL3 (HS Belukar Semang-HS Kenderong-HS Bintang Hijau).

Dokumen ini juga diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara ke 40, pada 20 Julai 2022 dengan Objektif dan matlamat PIRECFS 2022 adalah selari dengan pindaan RUU Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 pada 18 Julai 2022.



Visi PIRECFS 2022

"Menyambung Kembali Hutan"

Matlamat PIRECFS 2022

"Memastikan Rangkaian Kawasan Hutan Semenanjung Malaysia dan Biodiversiti Negara Dipelihara Secara Lebih Berkesan dan Berdaya Laksana"

Ia merupakan suatu pelan untuk menghubungkan, memelihara dan memelihara kawasan berhutan agar wujudnya ketersambungan fizikal hutan di Semenanjung Malaysia. Pelan Induk ini harus dijadikan sebagai rujukan kepada pembuat dasar, pemaju dan pihak berkepentingan untuk memaju dan mengawal penggunaan tanah di kawasan CFS agar usaha pemuliharaan dan pemeliharaan biodiversiti perhutanan dan hidupan liar akan lebih berjaya.

PIRECFS 2022 ini merupakan suatu pelan jangka panjang (Tahun 2022-2040) yang mengandungi lima (5) objektif, 14 strategi, 38 tindakan, 228 inisiatif serta 12 panduan bagi pemeliharaan dan pengurusan *Central Forest Spine* (CFS) dan Rangkaian Ekologi (RE).

Kawasan CFS adalah gabungan lapan (8) kompleks hutan yang merentasi lapan (8) buah negeri. Negeri yang terlibat dengan CFS adalah Negeri Terengganu, Kedah, Perak, Kelantan, Pahang, Johor, Selangor dan Negeri Sembilan. Terdapat 3 kompleks hutan yang terlibat dalam Negeri Perak iaitu Kompleks Hutan Kedah Singgora, Kompleks Hutan Bintang Hijau dan Kompleks Hutan Banjaran Utama.

Selain daripada itu, Rangkaian Ekologi juga melibatkan pelbagai aktiviti lain seperti pertanian, badan air dan tepu bina. Sehubungan itu, Pelan Induk ini mengandungi 12 panduan bagi tujuan pemeliharaan dan pengurusan kawasan CFS dan Rangkaian Ekologi.

PANDUAN PEMELIHARAAN CFS



Kajian Semula PIRECFS 2022 telah mengenalpasti 40 Rangkaian Ekologi (RE) bagi memastikan kompleks hutan kekal bersambungan dan kesihatan ekosistem termasuk populasi hidupan liar terpelihara. Dua (2) bentuk Rangkaian Ekologi dikekalkan iaitu Rangkaian Utama (Primary Linkage - PL) dan Rangkaian Sekunder (Secondary Linkage - SL). Manakala, satu konsep Rangkaian Ekologi baharu telah diperkenalkan iaitu Rangkaian Tertiar (Tertiary Linkage - TL) di dalam kajian semula ini.

Di Negeri Perak, terdapat lapan (8) Rangkaian Ekologi yang terdiri daripada lima (5) Rangkaian Utama (Primary Linkage - PL) dan tiga (3) Rangkaian Sekunder (Secondary Linkage - SL).

Senarai Nama, Kod Dan Keluasan Rangkaian Ekologi (RE) CFS, Negeri Perak

KOD 2010	NAMA (RE) 2010	KELUASAN 2010 (HEKTAR)	KOD 2022	NAMA (RE) 2022	KELUASAN 2022 (HEKTAR)
CFS1-PL2	HS Temenggor (Main Range) – Royal Belum State Park (Main Range)	27,892	APL-1	HS Temengor – HS Amanjaya – HS Belum	24,835
CFS1-PL4	HS Padang Chong (Bintang Hijau) – HS Sungai Kuak	7,600	APL-2	HS Padang Chong – HS Sungai Kuak – HS Lapang Ninerling	5,799
CFS1-PL8	HS Kenderong (Bintang Hijau) – HS Bintang Hijau (Hulu Perak)	15,307	APL-3	HS Belukang Semang – HS Kenderong – HS Bintang Hijau	15,806
CFS1-PL9	HS Bintang Hijau Larut Matang – HS Bintang Hijau Kuala Kangsar	3,649	APL-4	HS Bintang Hijau (Larut Matang) – HS Bintang Hijau Kuala Kangsar (Hulu Perak)	3,649
CFS1-PL10	HS Bintang Hijau Larut Matang – HS Bintang Hijau Kuala Kangsar	202	APL-5	HS Bukit Larut – HS Bubu	202
CFS1-SL3	Bintang Hijau (Papulut) – Papulut – HS Piah	3,642	A-SL1	HS Bintang Hijau- HS Papulut – Papulut – HS Piah	3,642
CFS1-SL11	HS Bukit Kinta – HS Bujang Melaka di Antara HS Bukit Tapah dan HS Bujang Melaka	297	A-SL2	HS Bujang Melaka – HS Bukit Tapah – HS Bukit Kinta	297
CFS1-SL12	Bintang Hijau (Papulut) – Papulut – HS Piah	387	A-SL3	HS Bubu – Hutan Paya Laut Matang	387
Jumlah		58,976	Jumlah		54,617

Sumber : Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS 2022)

Nota :

Dua (2) Rangkaian Ekologi CFS di dalam Daerah Larut Matang

Pindaan Berdasarkan Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS 2022)

Bagi Daerah Larut Matang, terdapat Dua (2) Rangkaian Ekologi yang terdiri daripada satu (1) Rangkaian Utama (Primary Linkage - PL) dan satu (1) Rangkaian Sekunder (Secondary Linkage - SL). Pindaan nama dan kod Rangkaian Ekologi serta keluasan PL dan SL tersebut adalah seperti di jadual.

Perincian Pengubahan Rt Bagi Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) Daerah Larut Matang



- Pindaan RT ini adalah mengambilkira perubahan nama dan kod Rangkaian Ekologi CFS bagi A-PL5 dan A-SL3 di dalam Daerah Larut Matang berdasarkan PIRECFS 2022.
- Rancangan Fizikal Negara ke-4 (RFN4) telah mengambilkira Rangkaian Ekologi CFS A-PL5 dan A-SL3 sebagai KSAS Tahap 2. Aktiviti yang dibenarkan di dalam kawasan CFS telah diselaraskan dan tertakluk kepada PIRESCFS 2022.

Pindaan Nama, Kod Dan Keluasan Rangkaian Ekologi Bagi Daerah Larut Matang

KOD 2010	NAMA (RE) 2010	KELUASAN 2010 (HEKTAR)	KOD 2022	NAMA (RE) 2022	KELUASAN 2022 (HEKTAR)
